

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred F41	:	P1T1	RM1899.01	-	P1T25	RM4715.47
		P2T1	RM1995.02	-	P2T25	RM4988.08
		P3T1	RM2095.21	-	P3T25	RM5284.57
Gred F44	:	P1T1	RM3020.56	-	P1T14	RM5010.47
		P2T1	RM3344.78	-	P2T14	RM5497.45
Gred F48	:	P1T1	RM4424.58	-	P1T8	RM5875.89
		P2T1	RM4864.29	-	P2T8	RM6432.50
Gred F52	:	P1T1	RM4978.40	-	P1T8	RM6429.71
		P2T1	RM5451.51	-	P2T8	RM7019.72
Gred F54	:	P1T1	RM5251.13	-	P2T8	RM6836.06
		P2T1	RM5715.89	-	P2T8	RM7459.45

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T1); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T3); atau
 - (iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T6); atau

- (iv) ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T9);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik Berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Pegawai Teknologi Maklumat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

- 6. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F44**

10. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 yang kosong apabila telah :-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F48**

11. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F52**

12. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F54**

13. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI**

14. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang menunjukkan kebolehan yang termuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.